Menerusi Belanjawan 2020 yang dibentangkan Jumaat lalu, kerajaan akan menurunkan harga kondominium dan pangsapuri daripada RM1 juta kepada RM600,000 bagi pemilikan asing sebagai langkah mengurangkan lambakan hartanah yang gagal dijual.

Cadangan itu akan dilaksanakan selama setahun bermula Januari sehingga 31 Disember 2020 di kawasan bandar, membabitkan unit sedia ada yang tidak terjual.

Dalam pada itu, Zuraida menempelak kenyataan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, yang didakwa tidak memahami cadangan penurunan harga pemilikan hartanah kepada warga asing itu.

"Najib mungkin tidak faham, yang kita maksudkan adalah kepada rumah yang sudah siap dan bukannya rumah baru," katanya.

Najib sebelum ini dilaporkan berkata, pengumuman kerajaan untuk menurunkan nilai ambang bagi kondominium dan pangsapuri di kawasan bandar bagi tujuan pemilikan asing akan menyebabkan pemaju hartanah menaikkan harga kediaman pada masa akan datang.

Sementara itu, Jagdeep berkata kerajaan negeri akan menilai semula cadangan penurunan harga pemilikan hartanah asing yang diumumkan kerajaan pada Belanjawan 2020.

Katanya, ketika ini kerajaan negeri mengehadkan pembelian kediaman kepada warga asing di Pulau Pinang adalah RM3 juta bagi perumahan bertanah dan RM1 juta bagi unit kondominium.

"Kita akan berbincang dulu dengan semua pimpinan pada Mesyuarat EXCO minggu ini untuk kita teliti cadangan Kerajaan Pusat yang menurunkan had sehingga RM600,000 bagi pembelian hartanah asing," katanya.